

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021[SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan syarikat peminjam wang berlesen dan proses-proses yang perlu syarikat tersebut lalui sebelum lesen diluluskan memandangkan terdapat banyak ceti-ceti haram dan syarikat 'ah long' berjaya merubah status dari peminjam wang tanpa lesen ke peminjam wang berlesen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Ogos 2021 terdapat sebanyak 4,816 syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) atau lebih dikenali sebagai Kredit Komuniti (KK) yang dilesenkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Selaras dengan visi dan misi Kementerian melalui Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, KPKT komited dalam memastikan hanya pemberi kredit yang layak sahaja dilesenkan supaya hak peminjam sentiasa terjamin.
2. Sehubungan itu, semua pemohon lesen PPW wajib memenuhi syarat ataupun kriteria seperti berikut:

- (i) Merupakan Syarikat Sendirian Berhad / Berhad;
- (ii) Lulus tapisan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
- (iii) Tidak diisytiharkan bankrap;
- (iv) Bebas daripada aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AMLA); dan
- (v) Mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh (modal berbayar minimum RM2.0 juta).

3. Bagi mengawal dan mengekang sebarang aktiviti yang melanggar peraturan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400], seramai 36 perjawatan anggota kader PDRM ditempatkan di KPKT bagi menjalankan fungsi siasatan dan pemantauan serta membuat pertuduhan dan mengkompaun premis PPW.

4. Bagi kes-kes di mana terdapat Ah Long yang menyamar sebagai PPW berlesen, KPKT telah mengambil langkah bekerjasama dengan pihak PDRM bagi membanteras kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada tahun 2006, sebarang kes yang melibatkan PPW tidak berlesen atau Ah Long akan ditangani oleh pihak PDRM mulai tahun 2007, manakala bagi kes-kes jenayah atau keingkaran yang melibatkan syarikat PPW berlesen akan ditangani oleh KPKT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh vaksin akan sampai ke negara kita seperti yang dijanjikan oleh pembekal secara terperinci berdasarkan jenama vaksin dan jumlah kumulatif setakat ini. Mengapa pihak swasta dibenarkan menjual vaksin walaupun negara kekurangan vaksin untuk rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mewujudkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) untuk melaksanakan vaksinasi ke atas penduduk di Malaysia bagi melandaikan lekuk COVID-19. Program PICK telah dilaksanakan melalui perolehan beberapa jenis vaksin seperti Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac serta CanSino. Dalam hal ini, program PICK ini adalah percuma kepada semua penduduk di Malaysia.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan perancangan awal untuk membolehkan perolehan vaksin yang mencukupi untuk program PICK. Pembekalan vaksin ke Pusat Pemberian Vaksin atau fasiliti-fasiliti kesihatan awam akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, bergantung kepada bekalan vaksin yang diterima daripada pengilang vaksin.

3. Sehingga 23 September 2021, ingin saya maklumkan bahawa sebanyak 48,989,670 dos vaksin telah pun diterima oleh Kerajaan Malaysia. Seterusnya dijangkakan kita akan menerima baki vaksin berjumlah 38,909,630 dos secara berperingkat.

4. Pada masa yang sama, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan Malaysia juga telah menerima sumbangan vaksin dari pelbagai negara yang sebanyak 2,913,750 dos. Negara-negara yang telah memberikan sumbangan vaksin ini adalah Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat dan China.

Tuan Yang di-Pertua,

5. KKM telah menandatangani perjanjian dengan syarikat Pharmaniaga Life Science Sdn. Bhd. (Pharmaniaga) untuk pembekalan vaksin COVID-19. Dalam hal ini, Kerajaan tidak menghalang syarikat Pharmaniaga untuk memeterai perjanjian (*enter into agreement*) dengan pihak-pihak lain selepas obligasi syarikat tersebut dengan Kerajaan

telah selesai.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah mewujudkan satu garis panduan berhubung prosedur pembelian vaksin COVID-19 oleh Kerajaan Negeri dan swasta. Garis panduan ini diwujudkan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) Bil.11/2021 yang antara lain bersetuju supaya Kerajaan Negeri dan syarikat swasta dibenarkan untuk melaksanakan perolehan vaksin COVID-19, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Keputusan ini mengambil kira keperluan untuk membantu mempercepatkan proses vaksinasi untuk mengekang penularan pandemik COVID-19 terutama di negeri dan kawasan yang mempunyai kes yang sangat tinggi seperti di Lembah Klang.

7. Antara syarat yang ditetapkan adalah seperti :

- i. pihak Kerajaan Negeri dan swasta perlu melaksanakan vaksinasi ke atas individu yang telah dikenal pasti terlebih dahulu dan tidak boleh menjual atau membekalkan vaksin COVID-19 yang dibeli kepada pihak lain; dan
- ii. pihak Kerajaan Negeri dan swasta yang ingin membeli vaksin COVID-19 perlu mengemukakan permohonan pembelian kepada *Product Registration Holder* (PRH) vaksin yang berkaitan. PRH kemudiannya akan mengemukakan permohonan pembelian vaksin bersama dengan pengesahan kuantiti vaksin kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk kelulusan.

8. Penjualan vaksin COVID-19 perlu dipantau bagi memastikan *traceability* stok dan maklumat vaksin dalam sistem. Dalam hal ini, pihak Kerajaan Negeri dan swasta perlu memastikan data penerima vaksin yang menerima vaksin perlu diintegrasikan dengan sistem MySejahtera untuk membolehkan Kerajaan membuat pemantauan menyeluruh ke atas program vaksinasi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.